

Pemilihan Undang Luak Sungai Ujong

Surat jadi

punca

kekecohan

22/12/88

SEREMBAN, Rabu — Tua Waris Perut Hillir Waris di Darat dan Datuk Tiga Persukuan Pantai, menyebut nama Datuk Seri Maharaja Diraja Azman Jamlus sebagai Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong dalam surat mereka kepada Kerajaan Negeri Sembilan November lalu.

Surat itu dipercayai mengandungi nama seorang calon bakal penyandang pesaka Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 yang dikatakan bukan daripada kalangan anak Waris di Darat yang sah di segi aturan adat.

Ini dikatakan menjadi faktor utama yang menyebabkan Datuk Azman digantung daripada jawatan Datuk Seri Maharaja Diraja oleh Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan mulai 5 Disember lalu.

Satu sumber tertinggi adat memberitahu *Berita Harian* di sini, perbuatan seumpama itu adalah bercanggah dengan aturan dan pesaka luak berkenaan kerana Datuk Azman tidak berhak membabitkan dirinya secara langsung dalam urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10.

Menggariskan

Aturan adat luak itu menggariskan bahawa urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10 adalah menjadi hak mutlak anak-anak Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hillir manakala lembaga yang bertanggungjawab ialah Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin dan bukannya Datuk Azman.

Mengikut aturan adat, jawatan Datuk Andika Mendelika adalah menjadi Lembaga Tua Waris di Darat merangkap Tua Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong. Beliau berhak menentukan bakal penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10 dan ini lazimnya dilakukan selepas mendapat kebulatan daripada tiga Lembaga Tiang Balai yang lain.

Aturan adat juga menggariskan bahawa Datuk Azman selaku Lembaga Tua Waris di Air dan salah seorang daripada empat Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong hanya berhak memperkukuhkan sebarang keputusan yang dibuat oleh Datuk Fadzil, khususnya dalam urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10.

Sumber itu menambah surat yang dihantar kepada Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad pada 20 November lalu itu juga dikatakan mengandungi tandatangan Datuk Azman, Datuk Tiga Persukuan berkenaan serta Datuk Amar Setia Abdul Rahman Mohd Kassim.

Datuk Tiga Persukuan yang terbabit ialah Datuk Menteri Sahal Rauf (Suku Semelenggang), Datuk Raja Dimuda Zainuddin Musa (Suku Duanda Pantai) dan Datuk Maharaja Indera Abdul Ghaffar Haji Tahir (Suku Batu Hampar).

"Aturan adat Luak Sungai Ujong dengan jelas menggariskan bahawa jawatan Datuk Tiga Persukuan adalah di bawah lingkungan Datuk Andika Mendelika manakala jawatan Datuk Amar Setia pula adalah salah seorang daripada Orang Besar Balai Undang Luak Sungai Ujong.

"Ini bermakna mereka tidak berhak mencampuri urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10 dan perbuatan menghantar surat itu kepada Menteri Besar adalah bercanggah dengan aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong.

"Tindakan Tua Waris Perut Hillir, Datuk Maharajalela Zamhari Haji Abdul Rahman menghantar nama calon Datuk Kelana ke-10 kepada Menteri Besar adalah juga bercanggah dengan aturan adat," jelas sumber itu.

Sumber itu menambah sebarang pencalonan untuk mengisi kekosongan jawatan Datuk Kelana ke-10 hendaklah dikemukakan kepada Datuk Andika Mendelika Fadzil selaku Lembaga Tua Waris di Darat.